



Datuk Sharifah Terima Anugerah Kepimpinan Jenama Dunia



MUMBAI, 25 Nov – Universiti Putra Malaysia (UPM) mengucapkan tahniah kepada Prof. Adjung Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM), Datuk Sharifah Mohd. Ismail atas penerimaan Anugerah Kepimpinan Jenama oleh Kongres Jenama Dunia 2009.

Anugerah yang disampaikan di Mumbai baru-baru ini telah menjadikan beliau sebagai wanita profesional pertama dari Malaysia yang menerima penghargaan antarabangsa berkenaan.

Datuk Sharifah yang juga merupakan Presiden Institut Pemasaran Malaysia (IMM) diberi penghargaan kerana usaha beliau memartabatkan jenama IMM sebagai badan profesional yang bukan berteraskan keuntungan dan pengamal dalam sektor jualan dan pemasaran industri.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia